

Agong mahu sidang Parlimen lebih teratur, mantap bela nusa dan bangsa

● Baginda juga menyentuh peranan kemampuan Malaysia memandu dan menentukan hala tuju ASEAN pada tahun ini. Sebagai Pengerusi ASEAN, Malaysia berperanan penting dalam mengarahkan hala tuju kerjasama serantau

● Baginda mahukan Malaysia terus menjalankan hubungan baik secara diplomatik dengan semua negara asalkan mampu memberikan impak positif kepada kepentingan nasional



Oleh Prof Dr Mohd Azizuddin Mohd Sani
bhrencana@bh.com.my

Semalam, Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim merasmikan sidang Parlimen Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Ke-15. Sidang Parlimen sering ditunggu-tunggu pelbagai pihak kerana apa juga dasar dan inisiatif kerajaan, ia akan dibentangkan serta dibahas di Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Pada sidang kali ini, Seri Paduka menyampaik titah menyentuh pelbagai sudut, khususnya melihat fungsi Parlimen diperkasakan dan

negara berjalan dalam jaminan kestabilan politik serta sosioekonomi berterusan.

Pertama, baginda menyentuh perihal perdebatan Ahli Parlimen yang sering menjadi bualan umum kerana keadaan kekecohan sebelum ini. Ini menyebabkan rakyat sering mempersoalkan kualiti perbahasan di Dewan Rakyat, terutama terdapat percubaan menggunakan kontroversi perbincangan di Parlimen sebagai isu disensasikan dalam media sosial untuk menarik sentimen kebencian rakyat khususnya kepada kerajaan.

Yang di-Pertuan Agong kali ini memuji peningkatan dari segi mutu perdebatan di Parlimen. Namun, pada hemat baginda, masih terdapat ciri-ciri tidak sihat yang boleh memecahbelahkan perpaduan sesama kaum di negara ini.

Misalnya, baginda menjelaskan: "Parlimen bukanlah tempat untuk bertegang urat, memaki hamun atau menabur fitnah, tetapi ia adalah dewan yang mulia untuk membahaskan agenda kepentingan rakyat dan kemakmuran negara. Ahli Yang Berhormat hendaklah menjadi benteng Perpaduan Negara, bukannya jenai perpecahan rakyat."

Yang pasti, Yang di-Pertuan Agong mahukan Parlimen terus berperanan sebagai medan untuk semak dan imbang kepada perjalanan pentadbiran negara di bawah Kerajaan Perpaduan ini.

Kedua, baginda juga memuji pencapaian ekonomi Malaysia setakat ini. Ekonomi Malaysia sebenarnya menunjukkan prestasi memberangsangkan. Pada suku kedua 2024, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara berkembang 5.9 peratus, melebihi unjuran awal 5.8 peratus.

Pertumbuhan ini didorong perbelanjaan isi rumah kukuh, aktiviti pelaburan giat dan peningkatan ketibaan pelancong. Tambahan lagi, sektor perkhidmatan mencatat pertumbuhan 5.9 peratus, manakala sektor pembuatan meningkat 4.7 peratus pada suku sama.

Sektor pertanian juga menunjukkan peningkatan ketara 7.2 peratus, disumbangkan pengeluaran lebih kukuh dalam subsektor sawit dan perikanan. Walaupun terdapat sedikit penurunan dalam pertum-

buhan kepada 5.3 peratus pada suku ketiga 2024, ekonomi negara terus disokong pelaburan langsung asing (FDI) yang meningkat kepada RM14.5 bilion berbanding RM9.1 bilion pada suku kedua.

Perbelanjaan isi rumah berdaya tahan dan eksport kukuh turut menyumbang kepada prestasi positif ini.

Kerajaan juga sedang mempertimbangkan pengurangan subsidi dan pengenalan cukai baharu dalam Belanjawan 2025 untuk mengukuhkan kedudukan fiskal negara. Langkah ini dijangka membantu mengurangkan defisit fiskal kepada sekitar 3.5 peratus hingga 3.9 peratus daripada KDNK, berbanding anggaran 4.3 peratus pada tahun sebelumnya.

Ekonomi Malaysia pada landasan kukuh

Secara keseluruhan, ekonomi Malaysia berada pada landasan kukuh dengan sokongan daripada perbelanjaan domestik berdaya tahan, pelaburan meningkat dan dasar fiskal proaktif.

Ketiga, baginda juga menyentuh peranan kemampuan Malaysia memandu dan menentukan hala tuju ASEAN pada tahun ini. Sebagai Pengerusi ASEAN, Malaysia berperanan penting dalam memandu dan mengarahkan hala tuju kerjasama serantau.

Pertama Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan Malaysia akan memperluas peranannya dengan meningkatkan kerjasama strategik dalam bidang ekonomi, pelaburan, pertahanan tenaga boleh baharu, pelancongan, kemampanan dan kecerdasan buatan (AI).

Dalam usaha memperkukuh kedudukan ASEAN di pentas global, Malaysia bersungguh-sungguh untuk mengekalkan prinsip peraturan serantau dan menggalakkan integrasi ekonomi lebih mendalam antara negara anggota.

Malaysia berperanan dalam menangani isu kritikal seperti krisis di Myanmar dan pertikaian di Laut China Selatan. Sebagai Pengerusi, Malaysia menekankan keperluan menghentikan permusuhan dan memulakan dialog inklusif di Myanmar sebelum mengadakan pilihan raya.

Dalam isu Laut China Selatan, Malaysia menggesa semua pihak menahan diri dan menekankan pentingnya kod tatalaku berkesan untuk memastikan keamanan dan kestabilan serantau.

Peranan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN juga diharapkan dapat mendorong penerimgunaan teknologi termaju dan pendigitalan, menjadikan negara ini lebih menarik bagi pelabur asing.

Secara keseluruhan, Malaysia bertekad memastikan ASEAN kekal relevan dan berdaya saing, sambil mempromosikan keamanan, kestabilan dan kemakmuran di rantau ini.

Pada masa sama, Yang di-Pertuan Agong juga berkehendakkan Malaysia terus mempertahankan kedaulatan negara dan tidak sekali-kali mengorbankan walau seinci tanah air Malaysia.

Ini dilihat dalam konteks kegagalan Malaysia mempertahankan Pulau Batu Putih sebelum ini

yang terlepas ke tangan Singapura.

Bagaimanapun, baginda mahukan Malaysia terus menjalankan hubungan baik secara diplomatik dengan semua negara, asalkan mampu memberikan impak positif kepada kepentingan nasional.

Akhir sekali, baginda mahukan kerajaan bertindak lebih tegas terhadap mereka yang menyebarkan fitnah dan hasutan dalam talian dan media sosial khususnya membabitkan isu kaum, agama dan institusi Raja (3R).

Sementara itu, jenayah siber di Malaysia menunjukkan peningkatan membimbangkan dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Pada 2024, sebanyak 35,368 kes penipuan dalam talian dilaporkan, dengan kerugian mencecah RM1.57 bilion, berbanding 34,495 kes dan kerugian RM1.22 bilion pada tahun sebelumnya.

Penipuan kewangan dalam talian membabitkan penipuan seperti *love scam*, pelaburan palsu dan e-dagang. Contohnya, kes Macau Scam menyebabkan kerugian berjuta-juta ringgit kepada mangsa tertipu panggilan telefon mendakwa penerima panggilan terbabit dalam aktiviti haram dan perlu membayar sejumlah wang untuk mengelakkan tindakan undang-undang.

Penjenayah juga mencuri maklumat peribadi seperti nombor kad pengenalan dan maklumat bank untuk melakukan jenayah atas nama mangsa. Pada 2023, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) melaporkan peningkatan 30 peratus dalam kes pencurian identiti berbanding tahun sebelumnya.

Masyarakat perlu dididik mengenai bahaya jenayah siber dan cara melindungi diri. Kempen kesedaran awam, seminar dan bengkel mengenai keselamatan dalam talian boleh membantu meningkatkan pemahaman masyarakat mengenai ancaman ini.

Menggunakan perisian keselamatan seperti antivirus, *firewall* dan pengesahan dua faktor (2FA) untuk akaun dalam talian dapat menambah lapisan perlindungan tambahan.

Kerajaan juga menggesa platform media sosial untuk meningkatkan usaha memerangi jenayah siber seperti penipuan, buli siber dan pornografi kanak-kanak. Malaysia juga mewajibkan platform media sosial dengan lebih daripada 8 juta pengguna untuk memohon lesen sebagai langkah menangani peningkatan jenayah siber.

Peningkatan kes jenayah siber ini menuntut tindakan proaktif daripada semua pihak, termasuk kerajaan, organisasi dan individu untuk memastikan keselamatan dalam talian.

Yang pasti, banyak teguran dan nasihat disampaikan Yang di-Pertuan Agong kali ini. Jelas, ini adalah barmatamat untuk menjadikan sidang Parlimen Malaysia lebih teratur dan mantap bagi tujuan membela nusa dan bangsa.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH